



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (KELANTAN)

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
DATO' ROSOL BIN WAHID
AHLI POLITIK**

OLEH:

**NIK MUHAMMAD HAFIZ BIN NIK IBRAHIM 2013140433
IZWAN HAIRUDDIN BIN SABRI 2013961955**

**PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (SEPT 2014 – JAN 2015)**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
DATO' ROSOL BIN WAHID
AHLI POLITIK

OLEH:

NIK MUHAMMAD HAFIZ BIN NIK IBRAHIM 2013140433
IZWAN HAIRUDDIN BIN SABRI 2013961955

PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2014 – JULAI 2014)

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Bersyukur kehadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnianya membantu kami untuk menyiapkan kertas kerja ini. Dan terima kasih kepada pensyarah kami Puan Nurulannisa bt Abdullah kerana membantu kami untuk menyiapkan kertas kerja ini. Terima kasih yang teramat kepada pensyarah kami kerana membimbing kami dan mengajar kami cara-cara untuk menemubual dan ilmu ini sangat berguna untuk digunakan pada masa hadapan apabila melangkah ke alam pekerjaan. Dan juga setinggi-tinggi penghargaan kepada Dato Rosol bin Wahid kerana sudi untuk di temuramah sebagai tokoh kami untuk menjayakan kertas kerja ini. Walaupun beliau sibuk dengan urusan kerjanya tetapi beliau tetap meluangkan masa bersama kami untuk di temuramah bagi menjayakan kertas kerja ini. Beliau adalah seorang pemimpin yang layak untuk di gelar sebagai tokoh kerana telah terlalu banyak sumbangan beliau terhadap rakyat negeri Terengganu. Walaupun beliau seorang yang disegani oleh masyarakat setempat tetapi beliau melayan kami dengan baik dan beliau adalah seorang yang sangat merendah diri. Walaupun kami hanya pelajar tetapi beliau tidak memandang rendah terhadap kami berdua. Beliau melayani dan meluangkan masa bersama kami walaupun beliau sibuk dengan urusan lain.

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA
	SURAT
Penghargaan.....	i
Isi Kandungan.....	ii
Abstrak.....	iii
Biodata Tokoh.....	iv
Pengenalan.....	v
Transkrip	
Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh.....	01
Bahagian 2: Pendidikan.....	05
Bahagian 3: Pekerjaan awal.....	11
Bahagian 4: Pengalaman menjadi YB.....	13
Bahagian 5: Pengalaman selepas menjadi YB.....	20
Bahagian 6: Lain-lain.....	25
Lampiran	
Log Wawancara.....	42
Diari Kajian.....	45
Senarai soalan.....	46
Surat Perjanjian.....	51
Gambar.....	52
Indeks.....	54

ABSTRAK

ABSTRAK

Abstrak: *Temubual ini adalah antara tokoh dan pelajar dan bersama Dato Rosol b Wahid selaku bekas Yang Berhormat Dun Ajil Hulu Terengganu. Di dalam temubual ini beliau berkongsi tentang latar belakang hidup beliau dan juga pengalaman beliau menjadi Yang Berhormat. Selain daripada itu, temubual ini mencerita tentang pengalaman beliau menjadi Exco dan juga kehidupan beliau selepas bersara menjadi Yang Berhormat.*

Kata kunci: *Dato Rosol Yang Berhormat Latar belakang, Pengalaman, Kehidupan, Exco. Bersara*

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH



Nama : Dato' Rosol bin Wahid

Tarikh lahir : 10 Julai 1964

Tempat lahir : Kg Sura Tengah, Dungun, Terengganu

No IC : 640710-11-5829

Alamat : 5065 Lorong Ara Murni,
Batu 23 Kuala Berang,
21700 Kuala Berang,
Terengganu.

No telefon : 012-9838307

Nama isteri : Puan Halipah binti Ahmad

No IC : 630201-11-5012

Pekerjaan isteri : Pembantu Tadbir Pejabat Pertanian Daerah Hulu Terengganu

Bilangan anak : 6 orang

Bidang : Ahli politik

Pekerjaan : 1991 - 1996 : Cikgu di Sek Men Keb Matang

1996 - 1999 : Penolong Pegawai Pendidikan Daerah Hulu Terengganu

1999 - 2013 : YB Dun Ajil Hulu Terengganu, Terengganu

PENGENALAN

PENGENALAN

Dato Rosol bin Wahid di lahirkan pada tahun 1964 di Dungun Terengganu dan membesar di Hulu Terengganu. Beliau sekarang berumur 51 tahun dan mempunyai seorang isteri yang bernama Halipah binti Ahmad dan mempunyai 6 orang cahaya mata. Isteri beliau berasal dari Hulu Terengganu. Beliau mempunyai 13 orang adik beradik dan bapa beliau adalah seorang buruh Jabatan Kerja Raya.

Dato Rosol bin Wahid adalah bekas ahli dewan undangan negeri Terengganu kawasan Ajil. Beliau pernah menjadi setiausaha badan perhubungan UMNO di bawah kepimpinan Menteri Besar Terengganu. Beliau juga juga menjadi Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Islam Hadahri dan kebajikan negeri Terengganu. Beliau dilantik sebagai Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Usahawan dan koperasi di bawah kepimpinan Menteri Besar Datuk Ahmad Said

Dalam pilihan raya umum Malaysia 1999 beliau bertanding atas tiket Barisan Nasional dan menang majoriti 125 undi sahaja. Dalam pilihan raya umum 2004 beliau menang setelah mendapat 7386 undi. Calon lawan, Mohd Razki Alias (PAS) mendapat 3603. Beliau mendapat majoriti 3783 undi. Dalam pilihan raya umum Malaysia 2008, Dato Rosol b Wahid mendapat 8530 undi berbanding Mohd Razki Alias (PAS) mendapat 3803 Dato Rosol mendapat majoriti 4727 undi.

Pada 1 November 2007, Beliau menggesa Kementerian Pelajaran Malaysia perlu mengambil inisiatif bagi memperkasakan tulisan jawi. Jawi hendaklah di masukkan dalam sukanan pelajaran dalam kalangan pelajar melayu supaya tulisan jawi tidak hilang di telan zaman.

Pada 26 April 2010. Beliau menjadi saksi kedua plantif dalam kes pembatalan konsesi balak melalui perjanjian mengambil hasil hutan yang di tanda tangani antara syarikat Riya Padu Sdn Bhd dengan kerajaan negeri Terengganu pada 2003. Akibatnya Riya Padu menangguh hutang RM8 juta dengan kontraktor dan pembeli kayu balak. Riya padu juga rugi bayaran

premium RM25 juta dan kehilangan keuntungan hampir RM1 billion. Pengurusi Tenaga Nasional Berhad (TNB) ketika itu, Dato Awang Adek Hussin mengumumkan bahawa projek empangan Hulu Terengganu 2 di tunda atau di batalkan. Perbicaraan itu berlangsung di hadapan hakim mahkamah tinggi Malaya Kuala Terengganu, Datuk Abd Rahim Uda. Menteri Besar ketika itu ialah Datuk Seri Abd Hadi Awang (1999-2004)

TRANSKRIP

TRANSKRIP

Rakaman ini berkisah tentang latar belakang Dato Rosol b Wahid yang juga adalah bekas Yang Berhormat Dun Ajil Hulu Terengganu. Beliau juga adalah bekas Exco negeri Terengganu. Di dalam rakaman ini menceritakan tentang pengalaman beliau semasa beliau menjadi seorang Yang Berhormat dan Exco. Dan rakaman ini juga berkisar tentang kehidupan beliau setelah bersara menjadi Yang Berhormat. Berikut adalah hasil rakaman.

Petunjuk:

DR: Dato Rosol bin Wahid
H: Nik Muhammad Hafiz
I: Izwan Hairuddin
OK: Orang Kampung

BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

H : Ok Dato nak tanya Dato nama penuh Dato?

DR : Nama Rosol Bin Wahid. Usia 51 tahun

H : Bilakah Dato di lahirkan?

DR : Dilahirkan 10 july 1964. Dan dilahirkan di Dungun Terengganu dan di besarkan di Hulu Terengganu

H : Boleh saya tahu nama ibu Dato?

DR : Nama Ramlah Binti Mohamad Zain

H : Nama ayah Dato?

DR : Wahid Bin Cik

H : Apakah pekerjaan ayah Dato semasa Dato kecil?

DR : Pekerjaan ayah buruh *JKR* [jabatan kerja raya]

H : Boleh saya tahu pekerjaan ibu Dato semasa Dato kecil?

DR : Suri rumah

H : Semasa Dato kecil bagaimakah kehidupan Dato?

DR : Kehidupan sebagai anak buruh. Dan mempunyai adik beradik yang ramai dan kehidupannya agak susah. Tapi walau bagaimana pun susah ayah kerja kerajaan mana susah tu tidaklah teruk orang kerja kampung. Cuma adik beradik ramai. Adik beradik saya 13 orang

H : Boleh saya tahu Dato, adakah Dato kehidupan Dato semasa kecil tu daripada keluarga brader?

DR : Tak

H : Adik beradik Dato?

DR : 13 orang

H : **Keluarga Dato berapa adik lelaki Dato?**

DR : Yang lelaki tujuh yang perempuan enam

H : **Kira dalam adik beradik Dato. Dato anak yang?**

DR : Anak sulong

H : **Nama isteri Dato?**

DR : *Apakah? [apakah soalan tadi?]*

H : **Nama isteri Dato?**

OK : Dato balik dulu (bersalam)

DR : Soalan *benda* [apa] tadi?

H : **Nama isteri Dato?**

DR : Alipah Binti Ahmad

H : **Pekerjaan isteri Dato?**

DR : Kerani tapi telah pencer

H : **Isteri Dato berasal dari?**

DR : Dari Hulu Terengganu

H : Boleh saya tahu usia Dato ketika berkahwin?

DR : 90 (berfikir), 64. 26 tahun

H : Berapa orang anak Dato?

DR : Enam orang

H : Anak lelaki?

DR : Empat lelaki dua perempuan

H : Apakah petua Dato dalam mendidik anak anak sehingga berjaya dalam hidup mereka?

DR : Tak Berjaya lagi sebab yang sulong tahun akhir Uitm Kedua ketegasan lah ketegasan dan terbuka dan tak sekat apa dia minat dan beri dorongang dan lebih kepada apa yang di ajar oleh agama berkaitan agama di beri keutamaan lah

TAMAT BAHAGIAN 1

BAHAGIAN 2: PENDIDIKAN

I : Di manakah Dato bersekolah rendah?

DR : Bersekolah rendah di sekolah SK Bukit Diman

I : Semasa Dato sekolah rendah adakah Dato seorang yang aktif dalam sukan?

DR : *Not really* [Tak pasti] tapi. Tapi sukanlah tapi tidak sampai ke peringkat daerah.
Wakil sekolah

I : Apakah jenis sukan yang Dato aktif masa di sekolah rendah?

DR : Sukan lebih permainan tangan seperti ping pong yang guna tangan lah

I : Adakah Dato pernah mewakili sekolah dalam berpidato masa di sekolah rendah

DR : Sekolah rendah pidato takda. Cuma wakil pensyarahan *gitu* [macam tu] la di peringkat sekolah

I : Semasa di sekolah rendah pernah tak Dato menjadi pengawas sekolah?

DR : Sekolah rendah saya menjadi ketua pengawas

I : Pernah kah Dato menjadi ketua darjah?

DR : Tidak pernah

I : Di manakah Dato bersekolah menengah?

DR : Sekolah *menengoh* [menengah] sekolah agama Mahmud diah Kuala Berang

I : Apakah aliran pendidikan Dato semasa di sekolah menengah?

DR : Sekolah agama

I : Adakah Dato bersekolah menengah di satu sekolah sahaja atau pun pernah bersekolah di sekolah lain?

DR : Sekolah tingkatan satu tingkatan tiga sekolah menengah Mahmudiah Kuala Berang. Kemudian menyambung pelajaran ke Kolej Islam Klang. Daripada tingkatan 4 sampai tingkatan 6. 4 tahun di kolej Klang

I : Semasa di sekolah menengah adakah Dato seorang pengawas?

DR : Yes [ya] saya di sekolah menengah rendah di *secondary school* [sekolah menengah] saya tingkatan 3 ketua pengawas di sekolah menengah agama Mahmudiah

I : Semasa di sekolah menengah pernahkah Dato tinggal Dato tinggal di asrama?

DR : Tak pernah. Kecuali di semasa berada di asrama penuh masa tingkatan 4 sampai tingkatan 6 masa tu memang saya di asrama

I : Semasa di sekolah menengah pernah ke Dato di kenakan tindakan disiplin?

DR : Pernah, saya pernah dikenakan tindakan disiplin. Di sekolah rendah pun pernah sekali di sekolah menengah atas la ada pernah

I : Adakah keputusan *SPM* [sijil pelajaran Malaysia] Dato memuaskan semasa sekolah menengah?

DR : Memuaskan la

H : Apakah pencapai tertinggi pendidikan yang Dato ada?

DR : Master MBA. Master Bisnes Admin

H : Adakah Dato memasuki Universiti atau Maktab perguruan? (Bunyi motorsikal)

DR : Apa?

H : Adakah Dato memasuki Universiti atau Maktab perguruan?

DR : Masuk Universiti Malaya kemudian menyambung pelajaran KPLIA di Insitut Peguruan Sultan Idris KPLIA

H : Berapa lamakah Dato menyambung pelajaran?

DR : Maksudnya *camne* [macam mana] tu?

H : Macam adakah Dato lepas belajar terus masuk Univerisiti?

DR : Tak dah kerja, maknanya fresh kecuali Master. Master selepas 2013 abis 3 tahun
2010, 2011 master saya abis 2011

H : Adakah Dato menyambung pelajaran di dalam negara ataupun luar negara?

DR : Di dalam negara

H : Pernahkah Dato di anugerahkan anugerah dekan?

DR : Tak pernah

H : Pernahkan Dato gagal dalam peperiksaan semasa di pusat pengajian tinggi?

DR : Tak pernah

H : Adakah Dato aktif dalam persatuan semasa di pusat pengajian tinggi?

DR : Ya, saya aktif dalam persatuan anak Terengganu di Universiti Malaya

H : Adakah keluarga Dato menanggung kos sara hidup Dato semasa di pengajian tinggi?

DR : Tidak, saya mendapat basiswa *JPA* [Jabatan Perkhidmatan Awam]

- H : **Semasa di pengajian tinggi, apakah jawatan tertinggi Dato?**
- DR : Jawatan tertinggi, persatuan jawatan kuasa kemudian menjadi pengarah.
Pengarah makan malam anak Terengganu di Universiti Malaya
- H : **Pernahkah Dato membuat kerja sambilan semasa Dato masih belajar?**
- DR : *Yes* [ya], saya membuat kerja sambilan masa tingkatan lima saya kerja kontrak dan masa tunggu STP saya menjadi kelindan lori. Banyak la kerja (bunyi motor lalu) kontrak buat kerek, lepastu toreh getah lepastu *cokeh* [mengait] buat sawit, berkebun sawit. Banyak kerja darat saya buat, kecuali kerja laut. Kerja laut tak pernah
- H : **Semasa di pengajian tinggi, pernahkah Dato mempunyai masaalah kewangan?**
- DR : Ada *but not really* [tetapi tidak sangat] lah. *Not serious* [tidak serius] lah
- H : **Semasa di pengajian tinggi bagaimanakah Dato menangani masaalah yang Dato hadapi?**
- DR : Di pengajian tinggi masaalahnya yang di alami sistem penggal. Jadi masaalahnya tak banyak sangat, di penggal setahun sekali (bunyi kereta lalu) dan telah wajib selang seminggu. Maknanya minggu ni wajib minggu depan free jadi tidak bermasaalah. Lepastu hubungan dengan rakan-rakan baik, rapat dengan anak terengganu ni rapat mana ada masaalah kita bincang atau kita cuba selasai sebagai kawan. Sampai sekarang rapat hubungan kita

- H : Bagaimakah cara Dato mengulang kaji pelajaran semasa di pusat pengajian tinggi?
- DR : Ke perpustakaan, dan juga mengadakan study group dengan kawan-kawan
- H : Apakah kenangan paling manis yang tidak dapat dilupakan semasa di pusat pengajian?
- DR : Kenangan paling manis ialah ketika majlis makan malam, Saya menjadi pengarah projek dan ketika (bunyi kereta lalu) itu dihadiri oleh Menteri besar Terengganu Tan Sri Wan Moktar jadi saya menjadi pengarah dan saya berucap di hadapan menteri besar ketika masa tu
- H : Apakah kenangan paling pahit yang tidak dapat Dato lupakan?
- DR : Kenangan paling pahit, saya mendapat tawaran menyambung pelajaran ke UK [United Kingdom] sebab saya best student STPM di kolej Islam masa tu, tapi ditaja oleh Malayan telekoh company tetapi saya gagal kerana saya tidak mampu menguasai bahasa Inggeris dengan baik. Itulah benda paling *upset* [sedih] lah
- H : Apakah rahsia kejayaan Dato dalam bidang akademik sehingga mencapai tahap yang membanggakan?
- DR : Rahsianya rajin, tekun, dan bertawakal. Rajin, tekun dan bertawakal dan hormati orang tua

TAMAT BAHAGIAN 2

BAHAGIAN 3: PEKERJAAN AWAL

I : Saya ingin bertanya tentang pekerjaan awal Dato. Apakah pekerjaan awal Dato selepas tamat pengajian?

DR : Pekerjaan awal lepas saya *graduate* [siswazah] UM [Universiti Malaya] zaman *reception* [penerimaan]. Kerja tidak ada 87 [tahun 1987] jadi saya menganggur lebih kurang 3, 4 bulan lepas menganggur saya mencari kerja dan berkerja menjadi cikgu tuisyen tu pun tak bayar gaji. Kemudian saya mintak kerja untuk mengajar di sekolah yayasan islam Terengganu, pusat islam Terengganu saya ditawarkan jawatan tersebut dan gaji RM700 sebulan. Bermula di pusat pendidikan yayasan islam di besut, 2 minggu di besut saya ditukarkan ke Kuala Berang daripada 87 88 [Tahun 1987 dan tahun 1988] sehingga tahun 1990 saya menjadi cikgu di pusat Pendidikan Yayasan Terengganu di Kuala Berang

I : Apakah sumbangan Dato di sepanjang berhidmat pada waktu tersebut?

DR : Sumbangan saya ketika mengajar di yayasan 88 89 90 [tahun 1988, 1989, 1990]. 3 tahun lebih memastikan pencapaian pelajar-pelajar di yayasan sehingga sekarang rekod tak pecah lagi. Saya SPM bahasa melayu SPM ketika tu saya lupa tahun berapa tahun 80 [tahun 1980] ke 90 [tahun 1990] 100 peratus kelulusan. Dan agama saya jugak 100 peratus dan harini ramai pelajar-pelajar saya di yayasan islam yang gagal SPM yang mengulang. Ramai pelajar saya menjadi guru termasuk YB Dato Rosi itu pelajar saya di yayasan

I : Mengapakah Dato berminat mencuburi bidang tersebut sebagai pekerjaan Dato?

DR : Sebenarnya bukan saya minat sangat jadi cikgu ni, tapi dekat masa tu tak ada kerja lain maka ini sahaja peluang yang ada jadi kita pilih lah peluang ini

I : Selain daripada pekerjaan menjadi seorang guru, pernah apakah pekerjaan Dato yang pernah Dato buat setelah tamat belajar?

DR : Jadi cikgu sambilan kemudian saya ditawarkan untuk menyambung pelajar ke UC masa tu MC institute peguruan pada tahun 90 [1990] 6 bulan amik KPLIA(bunyi lori lalu) kemudian saya menjadi cikgu tauliah sebagai professor pada tahun 91 [1991] di sekolah menengah padang kemudian dari tahun 91 [1991] sampai 96 [tahun 1996] saya di naik pangkat lebih kurang di naikkan pangkat lah di letakkan jawatan menjadi Penolong Pegawai Pendidikan Daerah Hulu Terengganu sehingga tahun 99 [1999] (bunyi kereta lalu) saya bertanding jadi maknanya jadi cikgu sambilan, cikgu tetap,kemudian Penolong Pegawai Pelajaran Daerah kemudian bertanding pilihan raya 99 [1999]

I : Siapakah yang memeberi semangat kepada Dato untuk terus berjaya?

DR : Keluarga lah mak dan ayah serta isteri

I : Adakah Dato pernah berkerja di Luar Negara?

DR : Tak pernah

TAMAT BAHAGIAN 3

BAHAGIAN 4: PENGALAMAN MENJADI YB

I : Saya ingin bertanya tentang pengalaman Dato semasa menjadi seorang YB

DR : Ok

I : Bagaimakah Dato boleh terlibat dalam bidang politik?

DR : Sebenarnya saya tak pernah terfikir untuk menjadi ahli politik, Cuma saya ni suka berpersatuan. Tika [Apabila] saya tamat belajar [belajar] di Universiti Malaya masa tu masih kerja cikgu sambilan di Pusat Yayasan Islam jadi saya nampak remaja dan orang muda di kampung saya tiada aktiviti, jadi tiada aktiviti malam-malam duduk sembang takda hasil masuk, tak ada benda-benda berfaedah maka saya cadang buat satu program untuk belia masa tu persatuan mulia seri budiman kampung bukit diman kemudian aktivitinya ialah kita membuka gelanggang silat di bukit diman kemudian pada masa yang sama saya mengajar agama fardhu ain di surau malam lepas maghrib jadi bila sambutan daripada orang muda bagus dengan aktiviti yang kita buat dan kebetulan pada masa tu 87 umno di haramkan dan ditubuhkan umno baru (bunyi kereta lalu) saya di jemput hadir ke pusat pertubuhan dan saya di latik pemuda cawangan pada 87 semasa umno di haramkan jadi itulah detik pertama saya mencebur ke bidang politik 87 di lantik sebagai ketua pemuda Umno cawangan kampong Bukit Diman

I : **Tahun bilakah Dato mula menjadi YB?**

DR : 1999

I : **Berapakah umur Dato semasa Dato menjadi YB?**

DR : 99 [tahun 1999] 35 tahun

I : **Siapakah pesaing Dato semasa pilihan raya tersebut yang menjadikan Dato menjadi seorang YB?**

DR : Pesaing saya parti Pas yang bernama Ustaz Ismail

I : **Apakah perasaan Dato apabila rakyat memilih Dato menjadi YB?**

DR : Merasa gembira kerana ketika itu semua kalah kecuali 4 orang sahaja termasuk saya dan lebih gembira lagi saya orang yang pertama yang bertanding dan menang. Orang lain yang menang tu dah 2 3 *penggal* [12 tahun] jadi saya yang pertama saya menang dan 3 orang tu otai-otai politik termasuk Wan Moktar, Yusof Nor, Tan Sri Yusof Nor, Dato Idris Yusof semua kalah. Jadi inilah benda rasa yang rahmat Tuhan.

I : **Adakah Dato berpuas hati dengan kemenangan Dato dalam pilihan raya tersebut?**

DR : Berpuas hati, dan ketika tu (bunyi kereta lalu) sebab orang lain kalah dan saya pun menang masa tu 125 undi sahaja sebab orang lain kalah dan saya amat berpuas hati bersyukur

I : Berapa pengalkah Dato menjadi YB?

DR : 3 *penggal* [12 tahun]

I : Siapakah setiausaha Dato semasa Dato menjadi YB?

DR : Setiausaha saya dia bukan panggil *SU* [setia usaha] dia panggil pegawai khas Encik Fauzi Binti Yusuf

I : Bolehkah Dato menceritakan serba sedikit pengalaman Dato semasa menjadi YB?

DR : Pengalaman pahitnya 99 [Tahun 1999] kita kira reformasi dan selama masa tu tak silap 10 hari berkempen mungkin saya waktu tu dalam 10 jam je untuk orang baru untuk berjumpa dengan semua orang masa tu ada lebih kurang 20 cawangan dan untuk orang baru untuk perkenalkan diri jadi ini satu masa yang sangat *taff* [singkat] pada saya yang rasa tak tertanggung untuk nak apa nak hadapi tapi Allhamdulillah menang majoritinya 120 lebih

I : Bagaimana Dato membahagikan masa di antara keluarga dan rakyat?

DR : Masa tu dengan keluargan amat sedikit lah lebih kepada rakyat. Dari segi masa kalau *percent* [peratus] pecahan *percent* [peratus] mungkin 80 peratus untuk rakyat 20 peratus untuk keluarga

- I : Bilakah Dato di anugerahi darjah kebesaran yang membawa gelaran Dato?
- DR : *2000 204 kalau tak silap lupa ah 204 tak silap* [tahun 2000 atau 2004 kalau tak silap lupa tahun 2004 rasanya]
- I : Siapakah yang menganugerahkan pangkat Dato tersebut?
- DR : Sultan yang duli Sultan Terengganu
- I : Berapakah umur Dato semasa Dato mendapat anugerah pangkat tersebut?
- DR : *Umur kalau 204 40 tahun, 40 tahun lah rasanya, rasanya 204* [umur kalau tahun 2004 40 tahun rasanya]
- I : Pada pendapat Dato apakah sumbangan atau factor yang melayakkan Dato mendapat pangkat tersebut?
- DR : Itu saya tak pasti cuma masa tu saya exco, exco kerajaan negeri, exco kerajaan negeri dan pada masa yang sama saya jugak SU [setia usaha] perbadangan Umno Terengganu dan mungkin itu satu *Benefitnya* [kebaikkannya] tapi saya tak tahu cuma saya terima dengan hati terbuka
- I : Apakah perasaan Dato apabila di anugerahkan pangkat tersebut?
- DR : Perasaan amat gembira kerana sekurang-kurangnya ke bawah duli Tuanku mengingtiraf (bunyi kerata lalu) apa kita buat untuk rakyat

- I : Apakah penganugerahan lain yang Dato terima selain daripada pangkat Dato tersebut?
- DR : Penganugerahan PJK dan SMT tapi SMT ni di tarik balik kerana di beri Dato melayu persatuan belia SMT di tarik balik
- I : Apakah sumbangan yang paling besar Dato pernah lakukan sepanjang Dato berkhidmat sebagai YB di Dun Ajil?
- DR : Sumbangan yang paling besar ketika saya mengadakan satu perkampungan PPRT di Kampung Bukit Ara yang hari ni rumah mereka sebanyak 53 buah tanah yang kita *relocate* [menempatkan semula] untuk program ni sebanyak 10 ekar dan pesertanya masuk tanpa apa-apa bayaran tanah tak bayar, rumah tak bayar masuk je masuk jadi, makna tu sumbangan secara khusus dapat di lihat pada hari ni. Kemudian dari segi pembangunanya macam biasa lah kita ambil balik tanah pembangunan Ajil lebih kurang dalam (bunyi motor lalu) 10 ekar ambil balik dan kita process ambil balik tanah yang sentiasa di tipu oleh *further furnisher* [nama syarikat] yang hari ni (bunyi motor lalu) dekat dengan *saw man mizan* [Kilang papan mizan] saw man mizan tu further furnisher kerajaan pemelia yang tak patuhi *pengjangjian* [perjanjian] telah menang yang lain-lain saya rasa takda lah yang *simple-simple* [biasa-biasa] sangat.

I : Adakah Dato berkhidmat hanya untuk rakyat Ajil sahaja ataupun untuk rakyat Terengganu keseluruhannya?

DR : Untuk rakyat Terengganu lah sebab saya Exco yang menjaga kesihatan dan juga Islam Hadari jadi menyebabkan kesihatan, kebajikan, dan islam hadari untuk seluruh rakyat pembinaan masjid-masjid yang masa tu satu *booth* [tempat] satu masjid baru, tu zaman masa saya jadi exco la

I : Apakah sumbangan Dato untuk rakyat yang di luar daripada Terengganu?

DR : Luar Terengganu tak tu sangat tak *carew* [tidak ambil tahu] sangat la

I : Bagaimanakah Dato mengawal emosi Dato jika menghadapi masaalah berkaitan dengan bidang politik yang Dato ceburi?

DR : Saya suka jenis ber conference [kenyataan], ni ada masaalah saya tak sembunyi saya akan berhadapan dengan orang yang buat masaalah tu. Jadi tu cara saya ertinya bila ada masaalah kita jumpa kita bincang. Kita bukan pergi *tapa* [tampar] orang marah orang tu takde. Kita direct bersemuka

I : Bagaimanakah penemiraan keluarga Dato apabila Dato mengambil keputusan untuk bergiat dalam bidang politik?

DR : Mereka terima *degang* [dengan] apa yang saya buat dan menyokong sepenuhnya

- I : Adakah sukar untuk menjadi seorang ahli politik seperti Dato?
- DR : Dia semua benda ni bergantung kepada minat, benda yang kita minat *yang tok suko pung jadi suko* [sesuatu yang tidak suka pun akan menjadi suka] jadi benda ni kita kene minat dan saya rasa satu *kepuasang* [kepuasan] bila dapat membantu orang. Rasa bila kita membantu orang dan berjaya itu satu *affection* [kepuasan]
- I : Adakah Dato terus berkhidmat untuk rakyat Terengganu pada masa hadapan?
- DR : InsyaAllah (bunyi motorsikal)
- I : Selain daripada bidang politik adakah Dato mempunyai minat lain?
- DR : Takda minat *laing* [lain] lah cuma *bersukang* [bersukan] lah. Bersukan itu sahaja saya rasa setakat ni

TAMAT BAHAGIAN 4

BAHAGIAN 5: PENGALAMAN SELEPAS MENJADI YB

H : Ok untuk selepas Dato menjadi YB apakah pekerjaan Dato selepas bersara menjadi YB?

DR : Lepas bersara saya menjadi Pegawai Khas kepada Menteri pendidikan 2 Dato Sri Idris Yusof sehingga sekarang

H : Adakah Dato masih bergiat dalam bidang politik lepas bersara menjadi YB?

DR : Saya masih bergiat politik sebab saya menjadi jawatan kuasa Umno bahagian Hulu Terengganu

H : Adakah Dato masih member sumbangan kepada rakyat selepas Dato bersara menjadi YB?

DR : Ya

H : Adakah Dato masih member sumbangan kepada rakyat selepas Dato bersara menjadi YB?

DR : Ya

H : Adakah Dato bercita-cita untuk bertanding semula untuk menjadi YB?

DR : InsyaAllah kalau di beri peluang dan saya yakin menang

H : Adakah Dato merancang untuk tidak lagi bergiat dalam bidang politik?

DR : Sekarang (bunyi motorsikal) tidak merancang apa-apa

H : Bagaimanakah hubungan Dato dengan rakyat selepas bersara menjadi YB?

DR : Ok macam biasa, macam macam jadi YB *jugok* [jugak]

H : Adakah rakyat menghargai sumbangan Dato selama ini?

DR : InsaAllah

H : Bagaimanakah kehidupan Dato selepas bersara menjadi YB?

DR : Sama saja tiada beza sangat dari segi *siboknya* [sibuknya] semua sekali dan sekarang ni mungkin dari segi perjalannya sibuk lah sebab setiap minggu kene pergi Kuala Lumpur sebab pejabat di Kuala Lumpur

H : Apakah aktiviti Dato pada hari minggu selepas bersara menjadi YB

DR : Hari minggu bersama keluarga, sebab saya ni tiada hari minggu asal berkerja cuma saya, saya ke *bersukang* [bersukan] dan *sukang* [sukan] yang saya aktif sekarang adalah golf

- H : **Adakah jadual Dato masih padat selepas bersara menjadi YB?**
- DR : Ok sikit lah *not really* [tak semestinya] tapi masih kadang-kadang macam hari ni daripada pagi sampai sekarang boleh kata ada hal la untuk bincang kadang-kadang *free* [ada masa] (bunyi kereta)
- H : **Apakah perancangan Dato selepas 10 tahun akan datang?**
- DR : Perancangan saya nak melihat bangsa melayu maju standing dengan bangsa-bangsa lain kerana hari ini *napok* [nampak] melayu-melayu hilang jati diri, hilang keyakinan dan dari segi *quality* [berkualiti] nya *dop* [tidak] banyak mengejar (bunyi kereta) dengan apa yang ada dengan peluang yang ada kita *napok* [nampak] masih kita kebelakang berbanding dengan orang lain dengan adanya perpecahan-perpecahan kerana politik jadi ini yang membingbangkan lah dan benda ni mungkin tidak akan selesai tidak ada usaha untuk nak memastikan melayu maju (bunyi motorsikal) setakat ini kita bimbang la dengan gejala-gejala sosialnya yang makin banyak berlaku dengan hilang jati diri terutama di kalangan orang-orang muda dengan adanya gadget-gadget ni, ini membingbangkan
- H : **Apakah rahsia untuk mencapai matlamat dalam kehidupan?**
- DR : Rahsianya berdoa, berusaha dan bertawakal.(bunyi kereta) Jangan lupa buat apa yang Allah suruh dan tinggal apa yang Allah larang

H : Adakah Dato (bunyi motosikal) berpuas hati dengan sumbangan yang Dato berikan selama ini sepanjang menjadi YB?

DR : Saya berpuas hati setakat ini,tapi masih banyak lagi perlu di buat yang dirancang untuk meningkatkan ekonomi terutamanya di kawasan pendalamanlah pendalaman yang hari ni kita rasa mereka hidup kais pagi makan pagi yang ekonominya (bunyi kereta) mereka masih teruk terutamanya mereka yang kerja di kilang-kilang papan. Yang hari ni penganggurannya berkurangan, kerja kurang, jadi ada masalah ekonomi (bunyi kereta) dan bukan ekonomi dan masalah kemiskinan terutama di macam ge [di] kawasan yang berkerja mereka bergantung pada kilang papan.Ok.

H : Boleh saya tahu Dato macam Dato pergi (bunyi kereta) ke Kuala Lumpur tu Dato buat kerja sambil kerja

DR : Kerja dengan Dato Deris lah. Pejabat di Putrajaya di Kementerian Pendidikan Putrajaya

H : Dalam seminggu tu memang Dato pergi?

DR : Seminggu sekalilah *everyweek* [setiap minggu]. Saya Ke Kuala Lumpur hari Selasa berada di Kuala Lumpur hari Rabu Khamis Jumaat. Makna *the rest* [selebihnya] ada di kampunglah *unless* [melainkan jika] ada program program yang terpaksa saya *stay back* [tunggu] mungkin saya sapa ke hari ahad ataupun saya pergi awal *depends* [bergantung]. *Regularly* [kerap] nya daripada hari rabu sapa jumaat. Sebab hari Rabu ada pos kabinet kalu tidak ada mesyuarat parlimen (bunyi kereta) kalu ada mesyuarat parlimen pos kabinetnya adalah hari jumaat, Saya kena ada masa tu lah [saya kena ada masa itu]. Lagi.kalu tak dak tu talifon mula lah [kalau tidak ada boleh talifon balik].

TAMAT BAHAGIAN 5

BAHAGIAN 6: LAIN-LAIN

- I : Saya pernah baca (bunyi kereta) di internet Dato pernah terlibat dengan ada satu sumbangan Dato berkaitan dengan memartabatkan bahasa jawi (bunyi motosikal). Boleh Dato huraikan sedikit tentang hal tersebut
- DR : Tulisan jawi ni saya ada setengah orang mengatakan saya ni pejuang tulisan jawi. Sebab saya rasa tulisan jawi ni satu tulisan jati diri orang melayu dan saya di fahamkan tulisan ni tulisan al quran. Jawi ni tulisan al quran. Sebab tu orang melayu walaupun dia tak pandai baca jawi tapi dia boleh baca quran. Dia tak pandai baca rumi tapi dia boleh baca quran. Jadi tulian jawi ni Cuma yang berada di dunia ni urdu, tulisan quran ni urdu, jawi, bahasa arab dan parsi. Empat ini saja yang ada. Hari ni jawi dah mula pupus sebab tidak di beri tumpuan yang sepenuhnya jawi dan ramai hari ni orang melayu tak pandai baca jawi. Jadi saya rasa kalau hilang hilang satu jati diri orang melayu. Jadi kita orang melayu ni sepatutnya pandai baca jawi sepatutnya (bunyi motosikal). Jadi benda-benda yang perlu di hidupkan semula untuk nak melihat bahawa benda ni amat berguna (bunyi kereta). Jadi saya bimbang tapi ada agenda orang luar untuk menjarakkan orang melayu dengan al quran dengan cara menghapuskan jawi. Hari ni, sebab tu hari ni *bukan kita nak belit Indonesia* [bukan kita nak burukkan Indonesia], Indonesia hari ni semua kitab agama kebanyakannya tulisan rumi sehingga al quran pun di tulis rumi. Jadi ini benda-benda yang secara tidak langsung mencemarkan al quran sendiri dan memesongkan kita daripada tumpuan pada jawi. Jadi atas sebab tersebut saya rasa saya bertanggungjawab lebih-lebih lagi ketika itu saya sendiri exco islam hadari dan

hari ni pun di peringkat kementerian pun saya cuba *highlight* [mengetengahkan] *benda ni* [perkara ini] dan insyaallah dalam masa terdekat ni mungkin sebelum merdeka ini kemerdekaan ini kita mungkin buat pertandingan jawi, pertandingan menulis sajak jawi tema kemerdekaan ataupun apa apa *whatever* [apa sahaja] lah pertandingan jawi, tulis jawi *tapi tak aci computer* [tetapi tidak di benarkan menggunakan komputer], tulis tangan. Saya akan cuba buat.

- I : Selain daripada tu apa lagi tindakan Dato untuk memartabatkan bahasa jawi ni? Adakah macam mewajibkan semua sekolah semua pelajar di sekolah boleh menulis jawi ke?
- DR : Dia sebenarnya jawi ni dah ada sukanan tapi sukanannya ringan sangat tidak di berat, dia ada dalam masakananya bahasa melayu. Apa nak jadi tulisan jawi. Tapi macam guru dia tak tumpu jawi ni dan mungkin kerana guru pun tak tahu tulis jawi. Jadi saya sedih apabila ada ustaz-ustaz dan ustazah yang tulisan jawi teruk. Jadi maknanya agenda kitalah agenda jahat pihak yang benci kepada al quran dan agama ini mungkin hampir berjaya dan jika tidak di beri kesedaran macam apa surat khabar Utusan Melayu sekarang tidak ada lagi dah, dah hilang dah satu sedangkan kita kalau orang cina boleh dengan tulisan cina dia kita pun tak faham apa yang dia tulis, tak boleh kita baca pun *why not* [kenapa tidak] kita perkasakan jawi sebab saya yakin orang cina hari ni tak pandai baca jawi kecuali cina tu di Kelantan di Wakaf Tapai (Terengganu) bolehlah jawi tapi sekarang tak boleh dah, jadi kita ada kelebihan kita. Ni kita namakan eye concentrate bukan rasis. Tapi makna dia tulis bahasa cina *kita tengok macam tikus tengok*

besilah apa benda dia tulis [kita tengok pun kita tidak faham apa yang dia tulis]. Tapi kalau tulis rumi kita boleh baca ,kalu tulis jawi kita yakin dia pun tak boleh baca bukan kerana kita hendak hendak pasal sesuatu tapi ni (bunyi kereta) kita kira kelebihan kita

I : Melalui macam, saya buat sedikit *research* [penyelidikan] lah pasal Dato ni di internet saya ada terbaca Dato pernah menyelesaikan masalah pembalakan di Hulu Terengganu, boleh Dato huraikan sedikit.

DR : Masa tu pembalakan di Hulu Terengganu masa tu kerajaan adalah PAS dan PAS dia bercakap pasal *integrity* [keuntuhan] dia bercakap pasal (bunyi kereta) membela alam sekitar dan sebagainya tapi dalam masa yang sama dia melakukan pembalakan yang amat teruk 50 000 ekar di Tasik Kenyir telah di beri kepada satu syarikat yang bernama Ria Padu. Jadi kita buat pembukaan tersebut untuk nak mengatakan bahawa mereka ni cakap tak serupa bikin. Apabila dapat duit mereka lupa apa yang dijanjikan. Jadi kesan daripada tu maka surat khabar buat *coverage* [liputan] lah dan pembalakan tersebut dibatalkan tak jadi

I : Pembalakan tu tak sempat berlakulah? Belum berlaku?

DR : Tak dan [tidak sempat]

- H : Semasa Dato menjadi YB apakah sumbangan Dato yang tak dapat Dato capai untuk rakyat Ajil Semasa Dato menjadi YB? Apakah sumbangan?
- DR : Banyaklah perancangan

- H : **Perancangan Dato?**
- DR : Perancangan sama untuk meningkatkan ekonomi pekerja pekerja kampung macam kata kerja *saw man* [kilang papan] tadi tu. Jadi mereka ni kita merancang untuk ada perancanganlah untuk buat pertanian berkelompok dan sebagainya. Macam peluang perniagaan tapi tak tercapailah setakat hari ni
- I : **Jika andai kata pilihan raya akan datang Dato di calonkan dan Dato menang (bunyi motosikal) apakah perancangan Dato untuk rakyat di Hulu Terengganu ni?**
- DR : Perancangan nak menjadikan Hulu Terengganu ni sebagai mana saya kata dulu slogan kita hulu balang negeri Terengganu dan sumber pendapatan berada di sini sebab kita ada sumber, kita ada rakyat yang baik, yang dengar kata, hubungan antara rakyat dan pemimpin pun rapat tak ada masalah, kita ada tasik yang luas, kita ada tanah yang banyak, pertanian dan banyak benda yang boleh kita lakukan untuk rakyat tapi yang penting adalah perpaduan. Hulu Terengganu memang terkenal setakat harini adalah perpaduan antara kawasan yang kuat umno dan barisan nasional (bunyi kereta)

- I : Berkaitan dengan pembangunan di daerah Hulu Terengganu ni apa sumbangan Dato dari segi pembangunan sepanjang Dato memegang jawatan YB?
- DR : Pembangunannya ambil balik tanah di Ajil sebab Ajil ni di katakana Bandar yang mati bandar kubur yang bangunannya tahun 60an masih ada lagi jadi kita ambil balik tanah dan harini masih dalam proses pembinaan (bunyi motosikal). Kemudian satu lagi lebuh raya kita *fight* [berjuang] supaya di adakan *exit* [keluar] ke Ajil *interchange* [pertukaran] di Ajil kita berjaya. Kemudian yang paling besarlah saya rasa sumbangan saya dalam lebuh raya ni ialah di Perasing tu kita adakan satu pertemuan setempat. Biasanya lebuh raya ni pertemuan kiri kanan makna RnR dia belah kanan satu kiri satu. Jadi kalau kita nak jumpa kena *cross the road* [menyeberangi jalan] nak jumpa. Katakan nak jumpa di Temerloh, dia pun pergi ke Temerloh daripada KL [Kuala Lumpur] mari ke Temerloh kita dari Terengganu berhenti Temerloh pastu [selepas itu] dia kena *cross* [menyeberangi] kita kena *cross* [menyeberangi]. Jadi saya cadang kenapa tidak di LPT2 ni kita buat satu tempat yang mana orang Kuala Lumpur mari orang Terengganu mari boleh jumpa setempat dan tempatnya sekarang ni dia buat di Perasing. Perasing ni maknanya satu jalan satu tempat je kalau ada mesyuarat boleh situ, Kuala Lumpur pun tak jauh sangat dari situ kita Terengganu pun lebih kurang tengah-tengah. Kalau Terengganu KL mari sini mungkin 3jam kita situ dalam 2jam setengah sampai. Jadi maknanya menjimatkan masa. Tak perlu kita menggadai nyawa di atas jalan dan itu di terima oleh LPT oleh yang buat projek ni apa nama sebab lembaga lebuh raya ni

kerajaan ada satu *company* [syarikat] yang mana lembaga lebuh raya bersetuju buat program tum aka diadakan satu-satunya sekarang ni di Malaysia (bunyi kereta) pertemuan *one stop center* [pusat sehenti] ataupun RnR yang sekarang ni

I : Yang pertama di Malaysia?

DR : Di Malaysia (bunyi kereta)

I : Untuk kampung-kampung contohnya Kampung Menerong, Felda Mengkawang apa sumbangan Dato dari segi pembangunan di sana?

DR : Macam Menerong kita buat pusat perumahan desa yang ada bangunan dua tingkat empat pintu, tu satu. Dan kita merancang nak buat balai polis nak buat perpustakaan, bomba, klinik. Kita dah ada lot-lot tanah di sekitar tu kerana kita nampak Menerong ni satu tempat yang tengah-tengah. Kita ada dua Felda Mengkawang dan juga tersat kemudian kita ada penduduk kampung tradisi di sekitar tu. Jadi saya rase boleh majulah. Kemudian kalau dari segi ekonominya kita buat di Kampung Peneh, sebab peneh ni adalah satu kampung yang rasa tertinggal dari segi ekonomi dan kita perkenalkan tanaman limau berkelompok dan Alhamdulillah walaupun limau tu cuma bertahan dalam 10 tahun, tapi nampak masyarakat di Peneh tu dah berubah. Kalau dulu kereta pon tak ada hari ni maksudnya dah ada kereta. Sepanjang saya menjadi wakil rakyat ada lagi orang tua di Kampung Peneh tu *tak kenal Kuala Terengganu* [tidak pernah pergi ke kuala Terengganu] dan kita pun memperkenalkan dengan buat rombongan dan sebagainya. Jadi inilah benda saya rasa yang kita berjaya kita buat untuk

membuka minda orang kampung

I : **Adakah kampung tanpa wayar tu adakah itu adalah idea Dato?**

DR : Bukan, ni idea daripada Menteri cuma kita cadangkan di Menerong. Di Menerong, Bukit Diman, Bukit Perah. Cuma kita kecewa tanpa wayar ni lebih bermasaalah kerana walaupun kata tanpa wayar tapi dia punya *strength* [kekuatan] dia bagi 2gb je dan tak mampu nak *run* [buka] internet. Jadi menimbulkan kemarahan orang kampung macam ada benda tu macam tak ada. Jadi ni jadi sebagai satu *liability* [liabiliti] kepada kerajaanlah

I : **Kiranya kampung tanpa wayar tu tidak berjaya lah?**

DR : Bagi saya tidak Berjaya. Benda lagi? [apa lagi?] Tak ada dah?

I : **Selain daripada memartabatkan bahasa jawi dan pembalakan di Hulu Terengganu apa lagi sumbangan besar yang pernah Dato (bunyi kereta) lakukan untuk Negeri Terengganu?**

DR : Membasmi kemiskinan lah, secara sebab secara kebijakan kita buat rumah masa itu 20 buah rumah baru, kalau tak silap rasanya 20 orang satu dun, 10 rumah baru satu dun 20 baiki setiap dun. Dan *tuntutan memastikan hak tak dak rumah* [tuntutan memastikan yang mana tidak mempunyai rumah], *hak ada tanah buat atas tanah* [yang ada tanah sendiri buat di atas tanah sendiri], hak tak dak tanah cari tanah kerajaan untuk buat rumah PPRT [yang tidak ada tanah cari tanah kerajaan untuk buat rumah PPRT]. Maknanya 10 rumah baru dan 20 baiki. Yang nilai di masa itu rumah baru RM15000, baiki kita beri dalam RM10000 sebuah

rumah

H : *Boleh saya tahu semasa Dato menjadi YB macam sekarang ni nak bulan puasa, apakah perancangan Dato semasa menjadi YB dan selepas menjadi YB? Adakah jadual Dato masih sibuk puasa yang akan datang? [apakah perancangan dato dan aktiviti dato di bulan puasa semasa menjadi YB dan selepas Menjadi YB? Adalah jadual Dato masih sibuk?]*

DR : *Tapi tidak sesibuk semasa menjadi YB sesibuk zaman exco [tidak sesibuk semasa menjadi exco]. YB dulu sangat, tapi bila jadi exco sibuklah sebab kena hadir ke ibu pejabat pukul 8, kadang-kadang pukul 2 pukul 3 baru balik. Dan bila balik ada lagi orang tunggu di rumah. Jadi sangat ketat semasa menjadi exco. Jadi Yang Berhormat tak sibuk sangat. Sebab jadi exco ni kita terpaksa jaga sebuah negeri yang jaga *adun ni jaga daerah je dun je* [YB ini Cuma menjaga daerah dan dun sahaja]*

I : **Berapa tahunkah Dato menjadi exco di negeri Terengganu?**

DR : *Satu penggal, 2004-2008 [2004-2008], benda lagi? [apa lagi] Ada belaka dah tu cukup belaka dah. [semua dah di ceritakan dan dah cukup]*

I : **Selepas Dato bersara menjadi YB adakah Dato masih terlibat dengan aktiviti macam perasmian ataupun majlis-majlis?**

DR : *Ada, lebih kepada pendidikanlah (bunyi kereta) perasmian kem motivasi, perasmian PIBG dan *di seluruh Malaysialah bukan Terengganu saja seluruh**

Malaysia [di seluruh Malaysia bukan hanya di Terengganu).

H : **Kiranya selepas Dato Menjadi YB ni Dato masih sibuk?**

DR : *Tidak sesibuk masa YB sesibuk masa exco* [tidak sesibuk semasa menjadi exco].

Masa YB tak sibuk sangat

I : **Adakah hubungan Dato dengan penduduk-penduduk kampung yang pernah menjadi penyokong Dato dulu, adakah Dato masih rapat dengan diaorang [mereka]?**

DR : Masih, macam biasa dan *diorang* [mereka] pun masih menghormati saya walaupun tidak ada jawatan YB masih menghormati sebab saya rasa tidak ada masalah dengan mereka sepanjang kita jadi Yang Berhormat jadinya cara saya bekerja talifon saya *on* [buka] 24jam. Dan apa yang saya buat bila ada *miscall* [panggilan tidak dijawab] insyaallah saya akan buat *return call* [talifon balik]. Tu saya amalkan sejak saya menjadi YB sampai sekarang

H : **Boleh tak saya mendapat sedikit tips macam saya sebagai seorang pelajar macam mana untuk mencapai matlamat hidup untuk menjadi lebih maju pada masa hadapan?**

OK :
Balik dulu Dato (Bersalam)

DR : Okay-okay. Yang penting kena ikhlaslah. Jangan mengharapkan balasan. Yang balasan tu dia akan datang kemudian. (bunyi kereta) Dan kata-kata orang motivasi *more you give more you get back* [lebih banyak anda memberi lebih banyak yang anda dapat]. Tapi mungkin the type of the method of time [jenis kaedah masa] la. Mungkin kita buat hari ni kita *tak boleh sekarang*[tidak dapat sekarang]. Macam kita tolong orang hari ni dan allah akan tolong ke tak tahu

dah. Tapi bila kita susah yakinlah ada makhluk lain akan tolong kita. *Ha tu kena ingat tu* [kena ingat pesan ini]. Makna kalau orang susah kita tolong dan hak kena tolong tu ucap terima kasih jela, bila kita susah Allah akan utus orang lain akan tolong kita balik. Yang tu kita tak payah bimbang, apa-apa dia akan buat. Yang pertama ikhlasan. Yang kedua disiplin. Disiplin ni tak ada orang yang berjaya tu tanpa disiplin. Disiplin yang pertama adalah jaga masa. Kalau ada orang hak hebat-hebat ni mesti hak penjaga masa. Dr Mahathir *punctual* [tepati masa]. Siapa lagi nama orang hebat Syed Zainal bekas CEO Proton menjaga masa, masa kena jaga

I : **Apakah nasihat yang Dato boleh berikan kepada kami seorang pelajar untuk menjadi seorang yang Berjaya seperti mana Dato**

DR : Yang pertama ikhlas, yang kedua hormat mak ayah, *of course* [sudah tentu] lah yang pertama menjaga hak-hak tuhanlah, buat hak dia suruh tinggal hak dia larang. Tu jela. Dan jangan cari musuh, don't create any enemy. Kita jangan berkawan tak apa tapi jangan cari musuh, kalau ada masalah kita jumpa bincang

H : **Boleh tak saya tahu siapakah idola Dato?**

DR : Idola saya sebenarnya Tun Mahathir dan idola saya semaa belajar cikgu saya dah mati cikgu Khairuddin. Saya pernah di hukum oleh dia tapi saya menghormati dia sebab saya nampak dia ikhlas dan yang kedua tiada dendam, dia hukum untuk mendidik

I : Dan boleh saya tahu kenapa Dato memilih Tun Mahathir sebagai idola Dato?

DR : Sebab dia 20 tahun dia Berjaya memecahkan Malaysia sebagaimana ada harini. Dia buat semua hebat. Dia buat KLCC, dia buat Menara KL masa tu Malaysia boleh dia taja Azhar Mansor dia taja aziz apa yang berenang laut tu semua masa tu hebat. Kita bangga menjadi rakyat Malaysia dengan kehebatan dia dan dia di geruni dan di hormati oleh kawan dalam pentadbiran sedangkan yahudi pun takut ke dia memang dia hebat dia ada *brain* [otak] dan dia buat benda tu secara objektif. Bukan dia buat saja-saja tak dia buat objektif, makna kalau dia buat benda mesti ada alasan, dia buat sekadar suka-suka tak ada

I : Pernahkah Dato berjumpa sendiri dengan idola Dato Tun Mahathir?

DR : Saya pernah berjumpa dan dia humble sama juga dengan Tun Hasmah

I : Boleh Dato, kita ada sedikit lagi masa, boleh Dato memberi kata-kata terakhir Dato sebelum kita menghabiskan temuramah ini?

DR : Pertama terima kasih (bunyi kereta) kerana menjadikan saya sebagai subjek untuk subjek ni yang saya rasa saya bukan tokoh yang baik yang hebat tapi setakat yang saya mampu saya akan membantu untuk pastikan *assignment* [kertas kerja] ni boleh siap dan ada apa-apa yang tertinggal mungkin boleh *contact* [hubungi] saya *direct* [terus] ada nombor, dah ada dua nombor dan saya mintak maaf malam ni kerana yang pertama saya cas talifon, saya dah *mikir* [terfikir] dah mungkin diorang talifon ni tapi bateri ada 5% je. Saya ingat lepas majlis buat arwah malam semayang hajat nak balik tapi anak buah ajak minum air, nasib baik anak mari *kabo* [bagitahu] baru saya ingt. Saya mintak maaf

dengan masalah tu. Yang keduanya di harap letakkan agama,bangsa dan Negara di tempat teratas. Dan apa saja kerja pertama nombor satu bangsa dan Negara. Dan yang seterusnya, kita ni dalam era globalisasi ni kita *mende nok kabo tadi* [apa nak cakap tadi] maknanya dengan cabaran yang semakin hebat sekarang ni kita mesti ada pertahanan diri ada daya tahan, daya juang dan daya saing. Daya tahan daripada serangan luar dan diri kita dan jugak kena *fight back* [lawan balik] dan daya saing untuk nak compete [bersaing] dengan orang lain yang Berjaya dan falsafah penting dalam hidup ialah permulaan penting permulaan sesuatu benda penting tapi yang lebih penting di mana kita berakhir. Macam orang lumba lari *pung* [bunyi pistol] pistol bunyi tu *starting* [permulaan] setengah orang dia *starting* [permulaan] *very bad* [sangat teruk] lambat ke pistol nak bunyi baru bergerak, setengah orang pistol bunyi gerak selalu.tengok macam pelari-pelari pantas macam Johnson macam pelari pantaslah. Tapi itu penting tapi lebih penting *ending* [penghabisan] dia tu dekat garisan tu dekat langgar tali. Ada orang ni dia *starting* [permulaan] tak bagus tapi *ending* [penghabisan] dia bagus. Ada orang *starting* [permulaan] bagus tapi *ending* [penghabisan] tak bagus. Dalam semua aspek, espek pelajaran dengar kata bagus 5A tapi masuk universiti kena *reject* [buang]. Masuk universiti boleh *lower* [rendah]. Ada setengah budak dapat 2A je ada 3A dia amek *SRP* [Sijil Rendah Pelajaran] dua kali tiga kali, *SPM* [Sijil Pelajaran Malaysia] sekali, *STP* [Sijil Tinggi Pelajaran] ulang, tapi dapat anugerah dekan, nampak. Jadi *ending* [penghabisan] dia lebih jupa lah kehidupan. Kawin [berkahwin] *ending* [penghabisan] cerai.Ha takboh [tak nak]. Set ni takboh [tak nak]. Makna kita

nak permulaan penting yang lebih penting di mana kita berakhir. Dan yang ketiga rasanya hormati masalah. Masa dan disiplin kena ada disiplinlah. Disiplin penting *untuk hebat benda hak hebat* [untuk menjadi orang yang hebat]. Saya rasa itu sajalah hak saya boleh simpan untuk agama tu yang penting, agama, bangsa sebab bangsa kita ni hari ni dah dengan partinya banyak, berpolitik setiap masa berbeza dengan bangsa lain cina, dia nampak berpecah tapi hakikatnya bersatu, kita nampak bersatu tapi berpecah. Itu masalah kita. Jadi apa yang di tulis oleh Frank Sutentham *melayu ni gini gini gini* [melayu ini macam mana] betullah. Kita nak manafikan apa dia kata tu, kita generasi baru *dok gitu* [tak macam tu] generasi baru orang melayu di Malaysia ni kalu tidak penuh ilmu di dada ni tidak macam mana di baca oleh orang putih terhadap kita. Ok. *Tu jela* [itu sahaja] Mende lagi?[apa lagi?] *Kalau tak dok mende, mende tepon ah dok jelas ke sebab banyak gangguan tadi kan* [kalau tak ada apa-apa tak apa lah, apa-apa talifonlah sebab bimbang tak jelas sebab tadi banyak gangguan]. Dengan motonya dengan suara orang dan dia punya *recoder* [perakam] ni terang ke tak terang. Ok ke tak?

I : Kalau macam ada masalah ke tak ok ke saya ada tak faham ke saya akan tengok balik

DR : *Ho kabo lalu, massage ke guane ke* [ya, cakap terus, masej ke macam mana ke]

H : Kiranya macam Dato satu hari tu Dato *free* [lapang] masa mane nak *contact* [hubungi] Dato senang?

DR : Any time contact [bila-bila masa, hubungi] je, kalau saya ada musyuarat saya kata ada musyuarat. Saya akan masej musyuarat *call back* [hubungi semula]. Sebab kalau nak *kabo* [cakap] *free* [lapang] tak tahu *free* [lapang] masa mana

I : Hari minggu pun boleh talifon?

DR : Boleh, tengah malam ke, kalau saya tak tidur saya jawablah. Sebab saya jawab talifon tak pilih nombor, bunyi tu saya angkat. Tak tengok nombor kenal baru angkat tak. *Ni balik kenung pulak kekgi ni?* [lepas ni balik kesana balik ke?]

I : Saya nak balik UiTM Machang pulak sebabnya esok saya ada kelas

DR : *Tiga jam ork?* [tiga jamkan?]

I : Dua jam setegah lebih kurang

DR Molek sikit jalan [pandu kereta elok-elok]. Lalu ikut sinilah? (tunjuk jalan)

I : Ye, lalu ikot sini.

DR : Dua orang ok lah. Boleh *drive* [memandu] *blake* [semua] dua-dua?

I : Boleh

DR : Tahun akhir ke ni?

I : Saya tahun lima. Saya sekarang *sem* [semesta] lima

DR : *Sem* [semesta] lima maknanya. Kalau Izwan: enam tiga tahun

I : Saya habis dengan *sem* [semesta] enam
DR : *Sem* [semesta] enam tiga tahun la. Buat *degree*? [*ijazah*]

I : *Haah dgree* [ye, *ijazah*].
DR : Sama Dengan Haziq [anak sulong Dato] ni?

I : Saya umur sama dengan Haziq [anak sulong Dato]
DR : Ada *Haziq* [anak sulong Dato] talifon *kabo* [cakap]

I : Dulu saya sekolah Imtiaz dengan Haziq [anak sulong Dato]
DR : Buat khusus mende? [buat khusus apa?] Komunikasi?

I : Saya ambil pengurusan maklumat
DR : Ijazah pengurusan maklumat?

I : Ha, ijazah pengurusan maklumat
DR : *Pastu* [selepas itu] belajar universiti ni kena rapat dengan *lecturer* [pensyarah]. Petua dia kena rapat dengan *lecturer* [pensyarah]. Tak ada masalah pun buat ada masalah. Pergi jumpa dia, ok tuan saya ,itu petua dia. *Pastu* [selepas itu] balik Terengganu ni bawak buah-buah sikit *bawak gi* [bawak pergi]. Tu pengalaman *cikgulah* [bahasakan diri sebagai cikgu]

I : Masa Dato belajar dulu pun Dato buat macam tu lah?

DR : Bukan rasuah, menghormati. Yang mane kita tak tahu pun pergi jumpa, Tuan saya tak paham ni. Sebab markah bergantung kepada dia. Dia buat soalan dia periksa soalan dia (bunyi motosikal) bagi markah. Sebab tu siapa belajar universiti *fail* [gagal] memang tak patutlah. Macam SPM [Sijil Pelajaran Malaysia] dia susah dari universiti. Sebab SPM [Sijil Pelajaran Malaysia] yhak buat soalan orang lain hak periksa orang lain bagi markah hak lain. Ni universiti dia buat soalan dia mengajar kita dia buat soalan dia periksa kertas kita

H : Dato pernah *repeat paper* [ulang kertas] semasa di universiti?

DR : tak pernah. Pernah masa saya buat master je. Sebab master di Open Universiti. Masa banyak *free* [lapang] dia kata buat masterlah. Ada satu *paper* [kertas] saya *repeat* [ulang]

I : Terima kasih Dato Kerana sudi di temuramah sebagai tokoh kami untuk subjek Oral History

DR : Berapa muka surat kertas ni?

I : Kejap lagi saya akan dengar balik *benda* [apa] hak Dato cakap ni lepas tu saya kena taip balik. Tak tahulah berapa muka surat. Tapi saya kene *record* [rakam] benda ni interview ni paling kurang satu jam dan maksimum dia dua jam. Dan kalau macam dapat satu jam pun ok dah

DR : Maknanya *record* [rakam] ni sebagai bukti?

I : ye, *record* [rakam] ni sebagai bukti. Kejap lagi saya kena hantar audio ni letak dalam CD lepas tu dengan benda Dato cakap tu saya kena taip balik buat transkrip

DR : *Wak wak wak wak wak* [buat] transkrip.

I : Dan benda yang saya *interview* [temuramah] Dato hari ni kita akan letak dalam Perpustakaan Tengku Anis perpustakaan di UiTM Machang. Kita akan buat *Hard Cover* [kulit keras]

DR : Macam thesis lah? Berapa markah ni?

I : Berapa *present* [peratus] 50 *present* [peratus]

H : Sebab *paper* [kertas] ni tak ada *final* [akhir]

DR : *Assignment* [tugasan] je

I : Tu jela Dato, lagi pon lewat dah ni

DR : Cuma awak nak temuramah ni yang pertama cikgu nampak awak ni tak ada *self confidence* [keyakinan diri]. Takut nak tanya, tengok wartawan-wartawan tv. Biar ada keyakinan diri. Salah kita belajar, salah biasalah

H : Terima kasih Dato

DR : Biar ada *self confidence* [keyakinan diri]

TAMAT BAHAGIAN 6

LAMPIRAN

LOG WAWANCARA

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH		
0.00	Nama, tempat lahir dan latar belakang keluarga	
02:10	Menceritakan lebih lanjut tentang maklumat keluarga beliau	Wahid bin Cik Ramlah binti Mohammad Zain
03:00	Memberitahu latar belakang beliau di dalam keluarga beliau	Halipah binti Ahmad
03:75	Menerangkan maklumat pengenalan peribadi beliau	
BAHAGIAN 2: PENDIDIKAN		
04.10	Menceritakan tentang sekolah rendah beliau	Sekolah Rendah Kebangsaan Bukit Diman
06.34	Menceritakan tentang sekolah menengah beliau dan pencapaian pendidikan tertinggi yang beliau ada	Sekolah Menengah Agama Mahmud Diah

BAHAGIAN 3: PEKERJAAN AWAL		
07:48	Menceritakan latar belakang pekerjaan awal beliau	
08:60	Menerangkan pekerjaan awal beliau	Cikgu tuisyen
09:20	Menceritakan lebih lanjut tentang pekerjaan awal beliau	Cikgu sambilan Cikgu Tetap Penolong Pegawai Pendidikan Daerah
BAHAGIAN 4: PENGALAMAN MENJADI YB		
13:25	Menceritakan bagaimana beliau terlibat dalam bidang politik	
14:50	Menceritakan bilakah beliau menjadi YB	Tahun 1999
15:00	Menceritakan perasaan apabila menjadi YB	Gembira
16:00	Menceritakan pengalaman menjadi seorang YB	
BAHAGIAN 5: PENGALAMAN SELEPAS MENJADI YB		
20:45	Berkongsi pengalaman semasa selepas YB	Menjadi pegawai khas menteri pelajaran 2 datuk Idris bin Jusoh

BAHAGIAN 6: LAIN-LAIN

30:10	Menceritakan tentang sumbangan beliau dalam memperjuangkan bahasa jawi.	
32:40	Menceritakan tentang pengalaman beliau membatalkan pembalakan di Hulu Terengganu	
38:00	Menceritakan tindakan beliau dalam menaik taraf ekonomi orang kampung	
40:60	Berkongsi tentang LPT2 [Lebuh Raya Pantai Timur 2]	
43:20	Bercerita tentang tindakan beliau berkaitan pembangunan di perkampungan di Hulu Terengganu	
46:30	Memberi komen tentang kampung tanpa wayar.	
61:03	Memberi nasihat dan pandangan	

DIARI KAJIAN

MASA	TARIKH	PERKARA	TINDAKAN
10.00pg - 11.15pg	25 Apr 2015	Panggilan Telefon Membuat panggilan telefon kepada tokoh untuk kali pertama. Panggilan adalah untuk memohon persetujuan tokoh untuk ditemuramah	Catatan awal dilakukan untuk proses pembuatan soalan
8.40mlm - 9.40 mlm	23 Mei 2015	Perjumpaan pertama bersama tokoh. Perjumpaan berlaku di rumah tokoh bertujuan untuk menemubual tokoh	Sesi temubual dilakukan bersama tokoh
9.00pg - 3.00 ptg	3 Jun 2015	Penulisan transkrip Sesi penulisan transkrip di lakukan berdasarkan pita rakaman temubual yang telah dirakam	Sesi penulisan transkrip

SENARAI SOALAN

Soalan-soalan temubual bersama Yb Dato' Haji Rosol Bin Haji Wahid

Latar Belakang

- 1) Nama penuh Dato'?
- 2) Berapa usia Dato'?
- 3) Bilakah Dato' dilahirkan?
- 4) Dimanakah Dato' dibesarkan?
- 5) Di mana Dato' dilahirkan?
- 6) Dimanakah Dato' tinggal sekarang?
- 7) Siapakah nama ibu Dato'?
- 8) Siapakah nama ayah Dato'?
- 9) Apakah pekerjaan ayah Dato'?
- 10) Apakah pekerjaan ibu Dato'?
- 11) Bagaimana kehidupan Dato' semasa Dato' masih kecil?
- 12) Adakah Dato' datang daripada keluarga berada?
- 13) Berapa orang adik beradik Dato'?
- 14) Berapa adik beradik lelaki Dato'?
- 15) Berapa adik beradik perempuan Dato'?
- 16) Dato' anak yang ke berapa?
- 17) Nama isteri Dato'?
- 18) Apakah pekerjaan isteri Dato'?
- 19) Apakah umur isteri Dato'?
- 20) Isteri Dato' berasal dari negeri mana?
- 21) Bagaimana Dato' mengenali isteri Dato'?
- 22) Berapakah usia Dato' ketika berkahwin?
- 23) Berapa orang anak Dato'?
- 24) Berapa orang anak lelaki Dato'?
- 25) Berapa orang anak perempuan Dato'?
- 26) Berapakah usia anak Dato'?
- 27) Anak sulong Dato' masih belajar atau sudah bekerja?
- 28) Berapakah usia anak Dato' yang paling bongsu?
- 29) Sudah berapa lama Dato' berumah tangga?
- 30) Apakah petua Dato' dalam mendidik anak-anak sehingga berjaya dalam hidup mereka?

Sejarah Pendidikan

Sekolah rendah

- 31) Tahun bilakah Dato' mula bersekolah?
- 32) Dimanakah Dato' bersekolah rendah?
- 33) Semasa di sekolah rendah, adakah Dato' aktif dalam bidang sukan?
- 34) Adakah Dato' pernah mewakili sekolah dalam acara sukan semasa di sekolah rendah?
- 35) Apakah jenis sukan yang Dato' aktif semasa di sekolah rendah?
- 36) Adakah Dato' pernah mewakili sekolah dalam berpidato semasa di sekolah rendah?
- 37) Semasa di sekolah rendah, adakah Dato' pernah menjadi seorang pengawas?
- 38) Semasa di sekolah rendah, adakah Dato' pernah menjadi ketua darjah?
- 39) Adakah keputusan UPSR Dato' memuaskan semasa di sekolah rendah?
- 40) Pada umur berapakah Dato' tamat sekolah rendah?

Sekolah menengah

- 41) Dimanakah Dato' sekolah menengah?
- 42) Apakah aliran pendidikan Dato' semasa di sekolah menengah?
- 43) Adakah Dato' sekolah menengah di sekolah biasa atau sekolah agama?
- 44) Adakah Dato' bersekolah menengah di satu sekolah sahaja?
- 45) Semasa di sekolah menengah, adakah Dato' aktif dalam bidang sukan?
- 46) Adakah Dato' pernah mewakili sekolah dalam acara sukan semasa di sekolah menengah?
- 47) Apakah jenis sukan yang Dato' aktif semasa di sekolah menengah?
- 48) Adakah Dato' pernah mewakili sekolah dalam berpidato semasa di sekolah menengah?
- 49) Semasa di sekolah menengah, adakah Dato' pernah menjadi seorang pengawas?
- 50) Semasa di sekolah menengah, adakah Dato' pernah menjadi ketua darjah?
- 51) Apakah jenis kurikulum yang pernah Dato' anggotai?
- 52) Pernahkan Dato' mewakili badan beruniform untuk aktiviti luar?
- 53) Semasa di sekolah menengah adakah Dato' tinggal di asrama?
- 54) Pernahkan Dato' dikenakan tindakan disiplin semasa di sekolah menengah?
- 55) Adakah keputusan PMR Dato' memuaskan semasa di sekolah menengah?
- 56) Adakah keputusan SPM Dato' memuaskan semasa di sekolah menengah?
- 57) Berapa subjek Dato' ambil untuk SPM semasa di sekolah menengah?
- 58) Pada umur berapakah Dato' tamat sekolah menengah?

Pelajaran tertinggi

- 59) Apakah pencapaian tertinggi pendidikan yang Dato' ada?
- 60) Adakah Dato' memasuki university ataupun maktab perguruan?
- 61) Berapa lamakah Dato' menyambung pelajaran?
- 62) Adakah Dato' menyambung pelajaran di dalam Negara atau luar Negara?
- 63) Pernahkah Dato' di anugerahkan anugerah dekan?
- 64) Berapakah pointer tertinggi yang pernah Dato' capai?
- 65) berapakah pointer terendah yang pernah Dato' capai?
- 66) Pernahkah Dato' gagal dalam peperiksaan semasa di pusat pengajian tinggi?
- 67) Adakah Dato' aktif dalam persatuan semasa di pusat pengajian tinggi?
- 68) Adakah keluarga Dato' menanggung kos sara hidup Dato' semasa di pusat pengajian tinggi ataupun Dato' mengambil pinjaman?
- 69) Adakah Dato' mendapat biasiswa semasa di pusat pengajian tinggi?
- 70) Apakah jawatan tertinggi Dato' semasa di pusat pengajian tinggi?
- 71) Pernahkan Dato' membuat kerja sambilan semasa Dato' masih belajar?
- 72) Semasa di pengajian tinggi, pernahkan Dato' mempunyai masaalah kewangan?
- 73) Semasa di pengajian tinggi, bagaimanakah Dato' menanggini masaalah yang Dato' hadapi?
- 74) Bagaimana cara Dato' mengulangkaji pelajaran semasa di pusat pengajian tinggi?
- 75) Adakah Dato' mengulangkaji bersendirian ataupun berkumpulan?
- 76) Apakah kenangan paling manis yang tidak dapat Dato' lupakan di sepanjang pengajian?
- 77) Apakah kenangan pahit yang tidak dapat Dato' lupakan di sepanjang pengajian?
- 78) Apakah rahsia kejayaan Dato' dalam bidang akademik sehingga mencapai tahan yang membanggakan?

Sejarah Pekerjaan Awal

- 79) Apakah pekerjaan awal Dato' setelah tamat pengajian?
- 80) Berapakah gaji permulaan Dato'?
- 81) Berapa lamakah Dato' berkerja di situ?
- 82) Apakah sumbangan Dato' di sepanjang berkhidmat pada waktu tersebut(*untuk pekerjaan awal*)?
- 83) Mengapakah Dato' berminat untuk menceburi bidang tersebut sebagai pekerjaan Dato'(*untuk pekerjaan awal*)?
- 84) Selain daripada pekerjaan awal berikut apakah pekerjaan lain Dato'?
- 85) Pernahkan Dato' mengalami hidup susah?
- 86) Siapakah yang memberi semangat kepada Dato'?
- 87) Adakah Dato' pernah berkerja di luar negeri?
- 88) Apakah pekerjaan paling rendah pernah Dato' lakukan?

Pengalaman semasa menjadi YB

- 89) Bagaimanakah Dato' terlibat dalam bidang politik?
- 90) Siapakah yang mendorong Dato' untuk menceburi bidang politik?
- 91) Sebelum Dato' menjadi YB apakah jawatan Dato' dalam Barisan Nasional?
- 92) Tahun bilakah Dato' mula menjadi YB?
- 93) Berapakah umur Dato' semasa Dato' menjadi YB?
- 94) Siapakah persaing Dato' semasa pilihan raya yang menjadikan Dato' menjadi YB?
- 95) Apakah perasaan Dato' apabila rakyat memilih Dato' sebagai YB?
- 96) Adakah Dato' berpuas hati dengan kemenangan Dato' dalam pilihan raya tersebut?
- 97) Berapa penggalkah Dato' menjadi YB?
- 98) Siapa setiausaha Dato' semasa menjadi YB?
- 99) Bolehkah Dato' menceritakan serba sedikit pengalaman Dato' semasa menjadi YB?
- 100) Bagaimana Dato' membahagikan masa antara keluarga dan rakyat?
- 101) Pada mulanya adakah Dato' memang berminat untuk menceburi dalam bidang politik?
- 102) Bilakah Dato' dianugerahi darjah kebesaran yang membawa gelaran "Dato"?
- 103) Tahun bilakah Dato' dianugerahkan pangkat tersebut?
- 104) Pada umur berapakah Dato' di anugerahkan pangkat tersebut?
- 105) Siapakah yang menganugerahkan pangkat tersebut?
- 106) Pada pendapat Dato', apakah sumbangan atau faktor yang melayakkan Dato' dianugerahi pangkat tersebut?
- 107) Apakah perasaan Dato' apabila di anugerahkan pangkat tersebut?
- 108) Adakah penganugerahan lain yang Dato' terima?
- 109) Apakah sumbangan paling besar yang pernah Dato' lakukan?
- 110) Adakah Dato' berkhidmat untuk rakyat Ajil Terengganu sahaja?
- 111) Sumbangan Dato' untuk rakyat luar dari Terengganu?
- 112) Bagaimanakah Dato' mengawal emosi Dato' jika menghadapi masalah?

- 113) Bagaimanakah penerimaan keluarga Dato' apabila Dato' mengambil keputusan untuk bergiat dalam bidang politik?
- 114) Adakah sukar untuk menjadi seorang ahli politik seperti Dato'?
- 115) Apakah sumbangan yang Dato' akan laksakan untuk masa hadapan?
- 116) Adakah Dato' akan terus berkhidmat untuk rakyat Terengganu untuk masa hadapan?
- 117) Selain daripada politik adakah Dato' mempunyai minat lain?

Selepas menjadi YB

- 118) Apakah pekerjaan Dato' selepas bersara menjadi YB?
- 119) Adakah Dato' masih bergiat dalam bidang politik selepas bersara menjadi YB?
- 120) Adakah Dato' masih memberi sumbangan kepada rakyat selepas Dato' bersara menjadi YB?
- 121) Adakah Dato' bercita-cita untuk bertanding semula untuk menjadi YB?
- 122) Adakah Dato' merancang untuk tidak lagi bergiat dalam bidang politik?
- 123) Bagaimanakah hubungan Dato' dengan rakyat selepas Dato' bersara menjadi YB?
- 124) Adakah rakyat menghargai sumbangan Dato' selama ini?
- 125) Bagaimana kehidupan Dato' selepas bersara menjadi YB?
- 126) Apakah aktiviti Dato' pada hari minggu selepas bersara menjadi YB?
- 127) Adakah jadual Dato' masih padat selepas bersara menjadi YB?
- 128) Apakah perancangan hidup Dato' selepas 10 tahun akan datang?
- 129) Apakah rahsia untuk mencapai matlamat dalam kehidupan?
- 130) Adakah Dato' berpuas hati dengan sumbangan yang pernah Dato' berikan selama ini sepanjang menjadi YB?

LAMPIRAN 1



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
Machang, Kelantan

PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN

Syarat-syarat mengenai wawancara yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA dengan Dato' Rosel b. Ukinid Pada 21/3/2016

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengkisah (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan syarat: -
Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll. sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyeleidik.
5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyeleidik dalam dan luar negeri mulai dari (tarikh) dan tidak boleh dikeluarkan dalam sebarang media sosial atau tujuan penkomersilan.
Dipersetujui pada oleh kedua pihak yang berkenaan.

Pengkisah (Tokoh)

Dr. Mohd Nasir Bin Ismail,
Ketua Pusat Pengajian,
Fakulti Pengurusan Maklumat
UiTM Kelantan.

Gambar 1: Surat Perjanjian

GAMBAR



TELUS & TULUS **Sinar** harian



Emma
buah hati
Zizan?

JUMANI 15 APRIL 2013 | 6 JANUARIAH 100 | RM. 2.00 | PP12000001214472 | www.sinar.com.my | www.sinarOnline.com | www.sinarKlik.com | RM1.20



'Tidak maaf
bagimur' | 17



Info latuan
ditutup esok | 20



Kibang baju
meletup | 48

'KAMI MAHU ROSOL'

Penduduk Ajil berkumpul secara aman petang semalam, mahu wakil rakyat tiga penggal, Datuk Rosol Wahid dikekalkan

“Kensi Dun Ajil telah ada seorang wakil rakyat yang cutup disebab pelbagai peringkat umur, berlakar dan terbukti mampu menggalas tanggungjawab dengan cutup buk selama tiga penggal”

- Azman Ramli, 47



Penyokong BN Dun Ajil kacau keputusan pilihan parti tuar wakil rakyat kawasan itu pada PRU13 ini.

Sudah 30 tahun dipasaran kekal keberkesanannya.

Banyak bereska untuk wanita besar menaikkan kesihatan luaran dan dalaman. Diperbuat daripada ekstrak racun fatimah, mangkuk dan herba-herba terpilih ia juga membantu merawatkan tenaga, mengekalkan tubuh sehat dan melancarkan kitaran had.



TOLL FREE : 1800-88-8888 | [www.sinar.com.my](#) | [www.sinarOnline.com](#) | [www.sinarKlik.com](#)

Facebook: Tokti Orang Kersang

INDEKS

A

Ajil, 1, 17, 18, 27, 29, 49

B

bidang, 10, 12, 13, 18, 19, 20, 21, 43, 47, 48, 49, 50

C

cikgu, 11, 12, 13, 34, 39, 41

D

Dato, 3

Dun, 1, 17

E

Exco, 1, 18

K

kerja, 2, 8, 9, 11, 12, 13, 23, 28, 35, 48

kewangan, 9, 48

L

lebuh raya, 29

M

masaalah, 9, 18, 48, 49

menangani, 9

N

nama, 1, 17, 29, 33, 46

P

pelajaran, 6, 7, 8, 10, 35, 43, 48

pendidikan, 5

penganugerahan, 17, 49

penganugerahan, 17

pilihan raya, 12, 14, 28, 49

politik, 13, 14, 18, 19, 20, 21, 22, 43, 49, 50

R

Rosol, 1, 46

S

sekolah, 5, 6, 7, 11, 12, 26, 39, 42, 47

sumbangan, 11, 16, 17, 18, 20, 21, 23, 25, 27, 28, 29,

30, 31, 44, 49, 50

T

tahun, 1, 4, 6, 8, 11, 12, 14, 15, 16, 22, 29, 30, 34, 38,
50

Terengganu, 1, 3, 8, 9, 10, 11, 12, 16, 18, 19, 20, 26,
27, 28, 29, 30, 31, 32, 39, 44, 49, 50

U

Umno, 13, 16, 20

Universiti, 7, 9, 11, 13, 40

Y

YB, 11, 13, 14, 15, 17, 20, 21, 22, 23, 27, 28, 31, 32,
33, 43, 49, 50